

KEMAMPANAN PERTANIAN SAWIT PEKEBUN KECIL ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

(*Sustainable Farming of Indigenous Oil Palm Smallholders in Peninsular Malaysia*)

Vivien W.C. Yew, Saiful Farisin Md Ramlan, Novel Lyndon, Junaidi Awang Besar, Suhana Saad, Abd Hair Awang, Sivapalan Selvadurai & Lim Jie Wei

ABSTRAK

Populariti pengeluaran minyak sawit adalah sangat luar biasa. Sekitar 10 peratus daripada kegiatan pertanian dan perladangan dunia merupakan kawasan tanaman kelapa sawit global. Malah, 85% pengeluaran minyak sawit dihasilkan di Malaysia dan Indonesia. Minyak sawit juga telah meningkatkan pendapatan penduduk di kedua-dua buah negara, terutama kepada golongan petani. Namun, ada harga yang perlu dibayar akibat kegiatan pertanian kelapa sawit seperti kerosakan alam sekitar, hak buruh dan hak asasi manusia yang seringkali diabaikan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kaedah pertanian sawit lestari yang dijalankan oleh pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli. Kajian ini dijalankan di salah sebuah kampung Orang Asli yang terletak di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kampung Sungai Mai, Jerantut, Pahang. Melalui pendekatan kualitatif, lapan orang petani Orang Asli telah ditemu bual secara berkala melalui persampelan rawak mudah dan bola salji. Hasil kajian menunjukkan bahawa petani Orang Asli mengusahakan pertanian mereka sebagai bentuk pemilikan tanah yang juga merupakan salah satu prasyarat MSPO. Pertanian keluarga merupakan langkah seterusnya untuk mewujudkan pertanian lestari selain menangani penebangan hutan melalui kegiatan penanaman kelapa sawit.

Kata kunci: Orang Asli, Semenanjung Malaysia, kelapa sawit, pekebun kecil, kemampunan

ABSTRACT

The popularity of palm oil production is amazing. Around 10 percent of the world's permanent cropland has been used for global oil palm planting area. Among them, 85% of palm oil is produced in Malaysia and Indonesia. Palm oil has increased the income of populations of the two countries, especially farmers. But there is at cost, the environment is devastating, and labour rights and human rights are repeatedly violated. The objective of this study is to explore sustainable palm oil farming practices conducted by Orang Asli smallholders. This study was carried out in one of the indigenous villages located in the east coast of Peninsular Malaysia - Kampung Sungai Mai, Jerantut, Pahang. Employing qualitative method, eight indigenous farmers were interviewed periodically through simple random sampling and snowballing. The study results show that the orang Asli farmers are working towards land ownership as

prerequisite of MSPO. Family farming as next step to sustainable farming and deforestation is curbed by oil palm cultivation.

Keywords: Orang Asli, Peninsular Malaysia, oil palm, smallholder, sustainability

PENGENALAN

Populariti pengeluaran minyak sawit adalah sangat luar biasa. Sekitar 10 peratus daripada kegiatan pertanian dan perladangan kekal dunia merupakan kawasan tanaman kelapa sawit global. Ketika ini, hampir 3 bilion orang di 150 buah negara menggunakan produk minyak berdasarkan kelapa sawit. Manakala di peringkat global, setiap individu menggunakan hampir 8 kg minyak sawit setiap tahun (FAO 2016).

Malah, 85% pengeluaran minyak sawit global dihasilkan di Malaysia dan Indonesia. Minyak sawit juga telah meningkatkan pendapatan penduduk di kedua-dua buah negara, terutama kepada golongan petani. Namun, ada harga yang perlu dibayar akibat kegiatan pertanian kelapa sawit seperti kemasuhan alam sekitar, hak buruh dan hak asasi manusia yang seringkali diabaikan. Bahkan di Indonesia, keghairahan memperluas kawasan perladangan menyebabkan banyak kawasan hutan telah ditebang dan dibakar seterusnya menjadi penyumbang terbesar kepada perlepasan domestik gas rumah hijau. Namun di satu pihak yang lain, minyak sawit telah membawa faedah ekonomi. Sebaliknya juga, sektor perladangan kelapa sawit secara besar-besaran juga telah menghancurkan satu-satunya habitat harimau Sumatera, badak Sumatera dan Orang Utan selain mengancam haiwan endemik yang berkongsi habitat di dalam hutan hujan yang sama (Ian Johnston 2017).

Oleh kerana industri minyak sawit semakin berkembang, ramai aktivis alam sekitar dan agensi-agensi alam sekitar mula meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesan industri minyak sawit terhadap alam sekitar serta pelepasan karbonnya. Maka, kedua-dua negara pengeluar minyak sawit iaitu Malaysia dan Indonesia sedang berusaha ke arah mewujudkan kemapanan industri minyak kelapa sawit menerusi piawaian *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dan *Indonesia Sustainable Palm Oil* (ISPO).

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan amalan kemampanan kegiatan penanaman kelapa sawit oleh pekebun kecil Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep kemampanan meliputi tiga perspektif iaitu keterangkuman sosial, perlindungan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi, bukan secara berasingan tetapi sebagai satu pendekatan bersepadu. Oleh itu, bagi tujuan untuk membangunkan pembangunan mampan industri minyak sawit Malaysia, Yew et al. (2016) menjelaskan bahawa untuk mencapai pendekatan holistik dalam pembangunan mampan, industri ini perlu melakukan inisiatif ‘lebih banyak dan lebih baik’ dengan mengurangkan penggunaan sumber, mengurangkan pemusnahan dan menghapuskan pencemaran di sepanjang kitaran hayat industri sawit bermula dari pekebun ke peruncit terakhir, sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan kelompok masyarakat yang terlibat. Seterusnya melalui perspektif penyelidik, kegiatan penanaman kelapa

sawit oleh kelompok Orang Asli di Semenanjung Malaysia dipandang positif kerana ramah lingkungan dan kegiatan sosial yang inklusif. Malah, industri sawit mampu mengerakkan pertumbuhan ekonomi sekali gus dapat meningkatkan pendapatan isi rumah Orang Asli.

Walau bagaimanapun, kegiatan pertanian dalam kalangan Orang Asli seringkali dikaitkan dengan isu pemilikan tanah yang terbukti menjadi isu yang sering dipersoalkan. Akta Orang Asli 1954 merupakan akta utama berkaitan Orang Asli yang ditetapkan semasa tempoh darurat serta tidak lagi sesuai dengan era baru. Masyarakat Orang Asli amat bergantung harap dengan bantuan dan ihsan kerajaan negeri kerana ha ehwal tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri selain Orang Asli juga tidak memiliki sokongan keselamatan, ketidaktentuan dalam pekerjaan dan hak pemilikan tanah (Hooker, 1970).

Berdasarkan Akta Orang Asli 1954, kawasan persekitaran Orang Asli atau rizab Orang Asli hanya merangkumi kawasan yang diduduki oleh Orang Asli tanpa pengasingan selain adanya pendaftaran pemilikan tanah dari pihak pemerintah tanpa pengiktirafan tanah tersebut sebagai tanah adat. Maka, urusan pengaturan pemilikan tanah di kawasan penempatan Orang Asli adalah berbeza mengikut pemerintahan kerajaan negeri. Sekiranya diperlukan, kerajaan negeri akan mengambil alih pemilikan tanah berdasarkan perundangan sedia ada, selain adanya bentuk pampasan berdasarkan perundingan yang telah dipersetujui antara kedua pihak.

Pada 27 Mei 2019, Kementerian Industri Utama Malaysia menggesa Menteri Besar dan Ketua Menteri di Semenanjung Malaysia untuk memudahkan pemilikan tanah di bawah program penanaman kelapa sawit oleh Orang Asli memandangkan pemilikan tanah merupakan prasyarat utama dalam penganugerahan piawaian *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) dalam tempoh akhir tahun kepada pekebun-pekebun kecil, termasuk tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh pekebun Orang Asli.

Namun, negara-negara maju merasakan sektor perladangan kelapa sawit di Malaysia sebagai penyumbang utama ke atas penebangan hutan dan kehilangan hutan hujan di kawasan tropika. Tetapi, kajian yang dijalankan di Malaysia (Institut Darul Ridzuan, 2014; Junaidi dan Yew, 2018), menunjukkan bahawa kegiatan penanaman kelapa sawit Orang Asli telah memperbaiki kehidupan komuniti Orang Asli sekali gus membantu dalam memelihara kawasan hutan hujan di Semenanjung Malaysia.

Kajian Institut Darul Ridzuan (IDR 2014) pada tahun 2014 di Mukim Ulu Kinta, Ipoh, Perak menumpukan kepada aspek sosioekonomi dan alam sekitar di kawasan tadahan Ulu Kinta dengan jumlah penduduk sekitar 1500 orang. Berdasarkan kajian, suku Temiar di kawasan tersebut masih menjalankan kegiatan ekonomi sara diri seperti mengumpulkan produk bukan kayu dari hutan seperti rotan, buluh, herba, petai, durian dan memancing ikan dari Sungai Kinta Atas. Walau bagaimanapun, sumber pendapatan utama komuniti Temiar di kawasan tersebut bukan lagi dari pengumpulan hasil hutan, tetapi daripada hasil bekerja dan mengusahakan tanaman kelapa sawit di kawasan kebun yang mereka miliki. Malah, 60% suku Temiar di kawasan tersebut bergantung kepada aktiviti pertanian terutamanya dalam sektor perkebunan kelapa sawit. Sektor pertanian daripada perkebunan kelapa sawit mampu menyokong keperluan ekonomi keluarga mereka selain menjanjikan pendapatan yang signifikan sekitar RM400-RM700 sebulan. Manakala kajian Junaidi dan Yew mengenai suku Jah Het di Kampung Orang Asli di Kampung Sungai Mai, Jerantut, Pahang mendapat bahawa penduduk kampung yang bekerja dan mengusahakan ladang kelapa sawit amat berpuas hati dengan status pendapatan bulanan mereka. Penyelidik juga mendapat bahawa kurangnya minat daripada kelompok belia

untuk bekerja dalam sektor pertanian terutamanya dalam mengusahakan pertanian kelapa sawit. Namun melalui pertanian keluarga, kegiatan ini merupakan petunjuk yang positif yang terangkum sebagai kegiatan pertanian yang mampan.

LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah kampung Orang Asli yang terletak di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kampung Sungai Mai, Jerantut, Pahang. Kelompok etnik suku Jah Het tinggal di bahagian pinggir hutan kampung tersebut sejak tahun 1972. Seterusnya kampung tersebut kemudiannya dikelilingi oleh ladang kelapa sawit yang dibangunkan oleh pihak Austral Enterprise, Golden Hope Plantation dari tahun 1980 hingga 1982. Kemudiannya pada tahun 1982 sehingga kini, ladang kelapa sawit tersebut telah diusahakan sepenuhnya oleh Sime Darby Plantation. Menurut Ketua Kampung Orang Asli Sungai Mai, Mat dan Pegawai Pembangunan Kampung, Raman, terdapat sekitar 392 orang penduduk kampung yang tinggal di dalam kampung tersebut yang terdiri daripada bayi, kanak-kanak, remaja, lelaki dan wanita dewasa serta golongan orang tua. Seterusnya, 90% penduduk yang tinggal di kampung tersebut mengamalkan kepercayaan tradisional iaitu animisme, sementara 10% (kira-kira 3 keluarga) lagi beragama Islam (kerja lapangan, 2018).

Penanaman kelapa sawit di kampung ini diselia di bawah kawalan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Pada tahun 2011, seramai 20 keluarga telah mengambil bahagian dalam fasa pertama inisiatif MPOB dalam menyediakan pengetahuan dan kemahiran penanaman pokok kelapa sawit. Seterusnya, 18 buah keluarga telah diperuntukkan 6 ekar tanah bagi setiap isi rumah selain 2 buah keluarga masing-masing diperuntukkan 12 ekar tanah bagi tujuan penanaman kelapa sawit. Setiap ekar tanah juga diperuntukkan dengan tanaman 60 buah pokok kelapa sawit. Purata pendapatan bulanan yang diperolehi daripada penuaian buah kelapa sawit adalah berkisar antara RM500 hingga RM1500.

METODOLOGI KAJIAN

Persampelan

Kajian ini dijalankan bermula pada awal bulan Mac 2018 sehingga Julai 2019. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka dan membangunkan minat belia Orang Asli dalam sektor pertanian kelapa sawit. Kajian ini juga turut memberi tumpuan kepada 20 orang pekebun kecil Orang Asli di Kampung Sungai Mai, yang disokong penuh oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam menyediakan dana dan sokongan lain dalam mengusahakan tanaman kelapa sawit kepada mereka.

Melalui persampelan rawak mudah (Flick, 1998) dan teknik bola salji (Berg, 2001), sebanyak lapan (8) orang pekebun kecil kelapa sawit telah ditemui bual secara berkala sepanjang Jun 2018 hingga Jun 2019. Selain itu, anggota keluarga pekebun seperti isteri dan anak-anak mereka turut terlibat secara langsung dalam sesi temu bual melalui sesi perbincangan tidak formal di dalam rumah mereka. Kesemua nama informan yang dinyatakan di dalam manuskrip

adalah nama samaran bagi melindungi kerahsiaan informan. Lawatan berkala berasingan juga turut dilakukan bersama Tok Batin dan pegawai pembangunan kampung.

Temu bual Mendalam dan Analisis Data

Awalnya, kajian ini tertumpu untuk menemu bual kesemua 20 (melalui kajian sebenar, temu bual telah dijalankan terhadap 8 orang petani) orang pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli. Namun, terdapat beberapa masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pasukan penyelidikan ketika ingin memasuki kampung. Antara kekangan tersebut ialah:

- i. Dua buah kebun kelapa sawit telah dijumpai tanpa sebarang pengawasan dan pekebun yang bertanggungjawab untuk mengurus kawasan kebun tidak dapat dihubungi.
- ii. Kebanyakkan pekebun kelapa sawit tidak hadir dalam sesi perbincangan walaupun jadual temu janji telah ditetapkan. Namun mengikut kehendak Orang Asli, perbincangan hanya boleh dibuat sekiranya pertemuan tersebut berlaku secara kebetulan dan bukannya secara temu janji.
- iii. Beberapa buah ladang kelapa sawit telah diambil alih pengurusannya oleh waris dan anak-anak kerana kematian pekebun (pemilik tanah) asal.

Justeru, 20 orang pekebun kecil kelapa sawit asal yang berada di bawah skim inisiatif MPOB secara tidak langsung dapat membantu pekebun kecil Orang Asli dalam kegiatan penanaman kelapa sawit. Kesemua mereka dipilih kerana adanya latihan penuh mengenai industri tanaman kelapa sawit termasuk pengurusan ladang bagi mewujudkan kemampaman tanaman sawit, pengurusan alam sekitar, penanaman semula benih sawit, pengurusan serangga perosak dan penyakit tumbuhan serta amalan pengurusan terbaik semasa proses kegiatan penuaian buah kelapa sawit. Golongan pekebun yang disasarkan dalam skim tersebut merupakan ketua isi rumah, mempunyai anak, cucu, dan ibu bapa (tua) yang tinggal di dalam rumah yang mereka tempati. Pengagihan umur pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli adalah sekitar 50 hingga 65 tahun.

Seterusnya melalui kaedah temu bual, pengarang utama yang juga merupakan penyelidik utama menjalankan sesi temu bual secara bersemuka dengan informan. Namun, daripada kesemua sesi temu bual yang dijalankan, 3 buah sesi temu bual melibatkan perbincangan secara langsung dengan anggota keluarga petani (anak perempuan dewasa kebiasaannya duduk berdekatan dan tersenyum ketika ayah mereka menjelaskan tentang pekerjaan yang dilakukan di kebun kelapa sawit oleh anak-anaknya yang telah dewasa).

Sesi temu bual tersebut telah berlangsung sekitar antara 45 dan 60 minit. Seterusnya, rakaman audio kemudiannya diterjemahkan perkataan demi perkataan. Data temu bual kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif (Flick, 1998). Data yang telah selesai ditranskrip akan diklasifikasikan terlebih dahulu melalui kategori utama tertentu, kemudian dikelaskan dan dianalisis lagi ke subkategori yang lain. Kebiasaannya, isi kandungan manuskrip akan ditentukan melalui subtema dan tema utama (Kvale, 1996). Bahasa komunikasi semasa sesi temu bual yang digunakan adalah bahasa Melayu kerana ianya merupakan bahasa komunikasi yang biasa digunakan oleh komuniti Orang Asli dalam mewujudkan hubungan sosial dengan masyarakat arus perdana.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan sub-tema kajian berdasarkan budaya pertanian dalam kalangan pekebun kecil Orang Asli dan anggota keluarga mereka yang bekerja bersama-sama di kebun kelapa sawit.

Usaha ke arah pemilikan tanah sebagai pra-syarat MSPO

Kebanyakan pekebun kecil Orang Asli di Sungai Mai telah mengusahakan tanah pertanian kelapa sawit mereka lebih daripada 10 tahun, Kerajaan Persekutuan telah memohon kerjasama daripada pentadbiran Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk memberikan hak pemilikan tanah kepada pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli. Manakala tanah yang dimiliki oleh pekebun kecil kekal sebagai tanah hak adat bumiputera (NCR). Justeru, hasil temu bual dengan Tok Batin (Ketua Kampung) mengesahkan bahawa pekebun kecil mempunyai hak adat ke atas tanah yang diduduki dan diusahakan mereka. Lesen pegangan MPOB merupakan dokumen sah bagi hak pemilikan tanah NCR kerana ianya juga diiktiraf oleh Tok Batin.

... semua ni tanah adat penduduk kampung, sudah lebih 10 tahun kami buat kerja di kebun kelapa sawit, tapi kerja-kerja kebun semua ni yang kami buat semua bawah kawalan MPOB, keluasan tanah pun MPOB yang tetapkan, apa yang penting kerja-kerja kebun keluarkan kelapa sawit kena jalan... (Tok Batin, 65)

Manakala, satu kenyataan diberikan oleh Menteri industri utama Malaysia, Teresa Kok bagi menyokong dan meningkatkan usaha pekebun kecil Orang Asli untuk terlibat secara langsung dalam sektor perladangan kelapa sawit:

"Pengiktirafan bagi hak tanah adat (NCR) merupakan komponen penting bagi ladang kelapa sawit yang mematuhi Piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)."

(Malaysiakini, 22 July 2019)

Menyedari keperluan untuk menetapkan piawaian dan kebertanggungjawaban dalam pengeluaran minyak sawit yang mampan, satu pertemuan meja bulat telah dibentuk pada tahun 2014 iaitu *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) anjuran bersama oleh Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF) dan sektor perniagaan sawit yang terlibat dalam proses pengeluaran, pemprosesan dan peruncitan minyak sawit. RSPO merupakan sebuah badan yang mempunyai pelbagai pihak yang berkepentingan yang berusaha untuk memperbaiki amalan perladangan syarikat-syarikat sektor sawit, selain berusaha untuk mendapatkan piawaian yang sah dan terbaik dalam perladangan sawit yang berterusan. RSPO telah menerima pakai 8 prinsip perladangan sawit mampan, 39 kriteria dan lebih daripada 120 indikator bagi kelestarian sosial dan kemampunan persekitaran ladang kelapa sawit selain sistem persijilan dan indikator bagi pekebun kecil milik persendirian seperti pekebun kelapa sawit Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Colchester & Lumuru, 2005).

Kenyataan tersebut juga dibuktikan lagi dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak MPOB bagi mengawal selia kegiatan pertanian yang dijalankan oleh pekebun Orang Asli melalui persempadanan tanah pertanian dengan kawasan petempatan penduduk.

"...bagi fasa satu tanaman kelapa sawit, MPOB buat satu garisan sempadan dekat kebun kami dengan teratur, jadi tak kacau kawasan tanah kosong jiran-jiran.. " (Man, 55)

Piawaian tersebut juga sedikit sebanyak melalui garis panduan yang disepakati oleh RSPO. Terdapat seorang informan yang juga pekebun kelapa sawit yang berpengalaman dan mahir dengan urusan dan piawaian MSPO mengatakan;

“...semua kebun dalam kampung ni tak ambil upah pekerja warga asing... Kami bimbang tentang keselamatan dalam kampung... Selama ini jugak orang luar jarang dibenarkan masuk dalam kampung... Lagipun, ini salah satu syarat nak dapat sijil MSPO... nanti kita nak tunjuk kualiti pengeluaran kelapa sawit kampung ni sama dengan kualiti permintaan negara...” (Kairi, 54)

Namun begitu, Kerajaan Malaysia telah menimbulkan kebimbangan bahawa piawaian sukarela RSPO yang telah digariskan melalui meja bulat adalah terlalu tinggi dan Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk membangunkan sebarang bentuk piawaian kebangsaan bagi setiap negara melalui MSPO. Kerajaan Malaysia telah mencari satu penyelesaian yang praktikal untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli selain membawa mereka ke dalam arus masyarakat perdana dari segi sosial dan ekonomi. Justeru dalam konteks ini, penanaman kelapa sawit merupakan kegiatan pertanian yang produktif dan mampan dan selain tidak memerlukan mereka untuk berpindah dari petempatan asal nenek moyang mereka

Pertanian keluarga sebagai pra-syarat MSPO

Komuniti Orang Asli secara tradisinya bergantung kepada kegiatan pertanian yang bersifat sara diri selain bergantung kepada hasil pencarian sumber daripada hutan sebagai mata pencarian mereka. Malah, kehidupan mereka sejak sekian lama telah terpinggir sama ada secara sosial dan ekonomi sebelum kewujudan kegiatan pertanian dan perladangan. Seterusnya, apabila sesebuah komuniti mengalami pertumbuhan dan perkembangan model ekonomi baru berdasarkan pertanian kelapa sawit, kesemua perkembangan dan perubahan diperlukan terutamanya perubahan dalam aspek sosial dan ekonomi.

Melalui syarat kriteria pekerjaan MSPO, pekebun kecil persendirian perlu memberi peluang dan faedah yang sama kepada pekerja ladang tanpa mengira bangsa, jantina, agama, politik, kewarganegaraan, kelas sosial atau ciri-ciri lain yang membawa perbezaan. Namun, indikator ini tidak terpakai kepada kelompok pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli di Kampung Sungai Mai disebabkan tiadanya pekerja upahan yang bekerja di kebun kelapa sawit kerana keseluruhan proses pengeluaran buah sawit diuruskan oleh pekebun dan anggota ahli keluarga mereka. Informan Mali (35) menerangkan;

“...saya baru 2 tahun ini ikut ayah mertua ke kebun, selepas projek kerja buat rumah sementara habis. Saya suka kerja kebun dengan isteri dan ahli keluarga mertua... jadi kami tak rasa penat bila ramai buat kerja sama-sama...” (Mali, 35).

Dapatkan menunjukkan bahawa pandangan dan persepsi anggota keluarga Orang Asli terhadap anggota keluarga mereka yang bekerja bersama di dalam satu bidang plot kebun kelapa sawit yang sama juga mampu mengeratkan talian persaudaraan dalam kalangan keluarga. Hal ini perlu diteliti dan difahami dalam konteks bahawa komuniti Orang Asli secara tradisinya bergantung kepada pertanian sara diri dan ekonomi sara diri dengan mengumpul hasil hutan sebagai mata pencarian mereka. Pendapat tersebut disokong oleh seorang lagi informan yang juga merupakan isteri kepada informan itu sendiri.

“....adik beradik saya suka ikut ayah ke kebun, kami semua dah habis belajar dekat sekolah. Saya habis Tingkatan 5, tapi abang saya cuma habis Tingkatan 3, saya masih ada dua orang adik yang masih belajar dekat sekolah, mereka masih kecil, jadi tak tolong kerja dekat kebun...” (Rosnah, 25).

Justeru, anggota ahli keluarga pekebun kecil lebih suka bekerja bersama-sama di kebun kelapa sawit mereka sendiri berbanding bekerja secara individu dalam sebuah syarikat sawit di luar dan jauh dari kampung mereka. Malah, kegiatan penanaman kelapa sawit melalui pertanian keluarga merangkumi beberapa generasi yang berbeza seterusnya membentuk pertanian sawit yang mampan. Informan Kamari (45) menjelaskan;

“...saya selalu ikut ke kebun waktu petik buah... bantu anak-anak untuk kutip buah kelapa sawit masak yang jatuh di atas tanah... kami satu keluarga kerja sama-sama, dapat eratkan hubungan keluarga, tak ada gaduh-gaduh, rasa aman hidup...” (Kamari, 45)

Mel (52) merupakan salah seorang pekebun Kelapa Sawit Orang Asli yang terlibat secara langsung dalam kegiatan penanaman kelapa sawit di bawah seliaan MPOB. Menurut bapa kepada enam orang anak ini, kebanyakannya anaknya yang telah meningkat dewasa akan bersama-sama menolongnya mengusahakan ladang kelapa sawit mereka. Mel juga menjelaskan hasil tuaianya pada Julai 2019 adalah sekitar RM1500. Namun, kelompok belia di Kampung Sungai Mai kebanyakannya tidak berminat untuk mengusahakan pertanian kelapa sawit. Pemerhatian di lapangan turut mendapati kawasan kebun kelapa sawit hanya diuruskan oleh pemilik kebun tanpa bantuan golongan belia. Namun, temu bual dengan pekebun juga mendapati bahawa mereka menyedari kepentingan pendidikan selain membenarkan anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah.

Terdapat juga informan yang mengambil alih sepenuhnya kebun yang diusahakan oleh bapanya setelah bapanya tidak mampu untuk menguruskan tanaman kelapa sawit tersebut. Hero (25) menjelaskan;

“... saya ambil alih kebun ayah selepas ayah makin tua, tak mampu buat kerja-kerja kebun...saya pastikan setiap pagi mesti masuk kebun... kerja banyak... tabur baja, memotong rumput, meracun... Ada juga ahli keluarga yang datang membantu bila-bila masa ... saya pun tak paksa...kalau tak cukup tenaga waktu musim menuai, saya upah orang kampung tolong petik...” (Hero, 25)

Pekebun kecil Orang Asli di Kampung Sungai Mai kebanyakannya menanam kelapa sawit sebagai punca pendapatan utama. Namun terdapat dalam kalangan mereka yang menjalankan ekonomi sara diri yang lain seperti berkebun menanam cili sebagai punca pendapatan sampingan. Setiap anggota keluarga juga berperanan untuk bersama-sama bekerja di kebun-kebun kecil kelapa sawit milik mereka yang menyediakan sumber utama pendapatan setiap isi rumah. Keluasan kawasan tanaman kelapa sawit di Kampung Orang Asli Sungai Mai rata-rata berkeluasan sekitar 6 dan 12 ekar di bawah pengurusan dan seliaan MPOB.

Justeru, kerjasama antara anggota keluarga dalam mengusahakan tanaman kelapa sawit memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan pengeluaran buah sawit yang diusahakan mampu memberi pulangan yang baik kepada keluarga. Kurus (33) menjelaskan;

“.... saya sangat yakin dengan pendapatan hasil daripada kebun kelapa sawit... Saya dengan abang ipar saya dah daftar dengan MPOB untuk dapatkan kebun fasa dua ...

Saya yakin kalau kami sekeluarga boleh berkerja bersama-sama dengan bersungguh-sungguh, pasti dapat pendapatan yang tinggi, yang penting rajin... ” (Kurus, 33).

Kesepadan antara anggota keluarga Orang Asli untuk bersama-sama mengusahakan tanaman kelapa sawit sepadan dengan konsep “pertanian keluarga”. Hal tersebut adalah termasuk menggunakan tenaga kerja yang terdiri daripada anggota keluarga sama ada lelaki dan perempuan. Manakala dari perspektif sosiologi pula, pertanian keluarga boleh dikaitkan dengan nilai kekeluargaan seperti perpaduan, pewarisan dan komitmen bersama. Justeru bagi komuniti Orang Asli itu sendiri, pertanian keluarga adalah lebih bernilai daripada pekerjaan yang bersifat profesional kerana ianya mencerminkan gaya hidup berdasarkan kepercayaan tradisional serta tradisi yang berkaitan dengan kehidupan dan pekerjaan.

Kawalan pembasmian hutan melalui penanaman kelapa sawit

Kelompok keluarga Orang Asli yang terlibat dalam sektor perladangan kelapa sawit sama sekali tidak akan terlibat dalam pembasmian hutan melalui amalan tebang dan bakar (*slash and burn*). Ini kerana kedudukan sosio-ekonomi dan kehidupan keluarga Orang Asli telah meningkat melalui pendapatan yang dijana daripada kegiatan pertanian kelapa sawit dalam skala yang kecil. Kamal (44) menjelaskan;

“... selain ada kebun kelapa sawit sendiri yang dikawal dengan MPOB, saja juga jadi pekebun hilir, saya banyak tanam pokok kelapa sawit dekat kawasan kosong belakang rumah, yang jaga dengan uruskan pun sama-sama dengan lima orang ahli keluarga lain... ” (Kamal, 44).

Manakala melalui aspek pertanian keluarga Orang Asli, jelas bahawa kesan pertanian dalam skala kecil yang dijalankan oleh komuniti tersebut adalah minimum, kerana Orang Asli merupakan pelindung kepada hutan itu sendiri. Malah, mereka kaya dengan pengetahuan tradisional, semangat kerohanian selain memahami pengurusan ekosistem alam. Mereka juga berusaha untuk mengekalkan hutan dan bukannya memusnahkan kawasan hutan. Justeru, usaha mereka untuk memelihara dan mendapatkan hak mereka dalam masyarakat hendaklah diambil perhatian dan dihormati. Kamal (44) menambah;

“... saya dulu masa muda pernah kerja dengan dengan taukeh Cina dekat estate kelapa sawit yang besar... adalah dapat belajar sikit... saya selalu cakap dengan anak-anak, jangan bakar bakar pokok dalam kebun ... tak bagus... kebetulan pulak kan Orang Putih (Eropah) kata pekebun sawit dekat Malaysia selalu rosakkan tebang hutan, jadi sebolehnya kita kawal... ”

Namun, negara-negara Kesatuan Eropah (EU) telah mencadangkan pengharaman minyak sawit biodiesel yang dikaitkan dengan penebangan dan pembasmian hutan. Isu yang ditimbulkan oleh negara-negara Kesatuan Eropah melalui pengharaman minyak sawit setidaknya akan mengganggu perkembangan ekonomi negara dan kehidupan pekebun-pekebun kecil termasuk pekebun kecil Orang Asli. Anggota negara Kesatuan Eropah menyifatkan cadangan pengharaman minyak sawit adalah langkah yang tepat kerana mereka menyedari bahawa tekanan ekonomi adalah satu-satunya cara untuk menarik perhatian negara-negara pengeluar minyak sawit untuk menghentikan pembasmian dan penebangan hutan selain memberi keutamaan untuk melindungi alam sekitar.

Malah, terdapat informan yang menyedari betapa pentingnya pengurusan alam sekitar melalui penanaman kelapa sawit yang mampan. Kawasan tanaman kelapa sawit sedia ada dioptimumkan pengurusannya agar tidak mengganggu ekosistem alam. Kanji (45) menjelaskan;

‘... saya ni uruskan saiz kebun 12 ekar , tapi tetap sokong cara urus kebun secara hilir, cara kami buat kebun tiada guna terlalu banyak teknologi sebab kami banyak dapat bantuan ahli kelurga... lepas tu waktu tuai buah, penduduk kampung akan buat gotong royong sama-sama... Jadi tak ada lah yang namanya tebang hutan yang berlaku dalam kampung ni... ’ (Kanji, 45).

Justeru itu, tradisi mengusahakan tanaman kelapa sawit dimulakan dalam kalangan komuniti Orang Asli selain diwarisi kepada generasi anggota ahli keluarga yang seterusnya. Namun begitu, kegiatan pertanian kelapa sawit terutamanya melibatkan anggota keluarga dalam kalangan komuniti Orang Asli telah menimbulkan perdebatan oleh Kesatuan Eropah yang mendakwa bahawa industri sawit di Malaysia disifatkan merupakan punca utama kepada kemusnahan hutan dan pembasmian hutan.

Namun, fakta yang tidak boleh dipertikaikan adalah bahawa minyak sawit merupakan minyak sayuran lebih murah dan lebih cekap sumber daripada minyak-minyak sayuran lain seperti minyak soya, minyak kanola dan minyak bunga matahari. Tanaman minyak sayuran alternatif seperti rapeseed dan soya menggunakan 10 kali lebih banyak kluasan kawasan tanah pertanian berbanding tanaman kelapa sawit. Namun begitu, minyak sayuran lain sama sekali tidak ditonjolkan sisi lainnya, sebaliknya tumpuan boikot hanya ditujukan kepada sektor industri kelapa sawit yang dilihat merosakkan alam sekitar. Malah mereka mendakwa menjadi mangsa kepada industri sawit seterus menjadi ‘pelindung’ kepada pengguna di negara-negara Eropah yang jelas tidak akan mempengaruhi kebanyakannya negara Eropah dan persepsi pengguna minyak sawit Malaysia.

Kita hanya boleh menghapuskan stigma pembasmian hutan dengan hanya bertindak secara langsung menyekat penebangan hutan secara besar-besaran, namun tidak dinafikan juga bahawa pembasmian hutan juga berlaku di tempat dan negara yang lain. Maklum balas yang sewajarnya terhadap pengharaman minyak biodiesel berdasarkan sawit yang dicadangkan oleh negara-negara Kesatuan Eropah boleh diambil kira melalui langkah yang telus, berwibawa selain mengambil langkah mengurangkan penebangan hutan dan hak kepada alam sekitar dan manusia akibat perkembangan sektor minyak sawit. Amalan penanaman kelapa sawit dalam lingkup skala yang kecil melalui pekebun kecil merupakan contoh yang baik dalam membendung pembasmian dan penebangan hutan bagi menyokong sektor pertanian kelapa sawit yang mampan dan mesra alam.

KESIMPULAN

Sektor pertanian kelapa sawit berkemampuan membantu meningkatkan tahap pendapatan keluarga Orang Asli seterusnya memberikan peluang pekerjaan kepada seluruh anggota keluarga. Kesepadan antara anggota keluarga Orang Asli untuk bersama-sama mengusahakan tanaman kelapa sawit sepadan dengan konsep “pertanian keluarga”. Hal tersebut adalah termasuk menggunakan tenaga kerja yang terdiri daripada anggota keluarga sama ada lelaki dan perempuan. Keluarga pekebun kecil Orang Asli juga dilatih oleh MPOB untuk mengamalkan penanaman kelapa sawit yang mampan. Malah, keluarga Orang Asli yang terlibat dalam

penanaman kelapa sawit tidak lagi terlibat dalam penebangan hutan melalui ‘slash & burn’. Sekali gus, kemampuan alam sekitar yang terdapat di lingkungan petempatan Orang Asli dapat dipelihara dan dikenalkan sepadan dengan konsep pertanian lestari. Malah melalui bimbingan, latihan dan sokongan yang berterusan kepada pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli, mereka secara tidak langsung akan berusaha ke arah memenuhi prinsip MSPO. Orang Asli juga berhadapan dengan cabaran untuk memastikan lebih banyak jaminan ekonomi melalui pendapatan sampingan dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh industri kelapa sawit selain sokongan perkhidmatan yang mereka perlukan. Malah, jaminan tersebut turut merangkumi nilai-nilai tradisional yang diamalkan agar tidak terancam dengan peluang ekonomi baru selain terus mengukuhkan perpaduan sosial di antara mereka.

PENGHARGAAN

Kos perbelanjaan untuk kerja-kerja penerbitan bagi makalah ini dibiayai melalui geran penyelidikan dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Geran Endowmen Penyelidikan MPOB-UKM (Kod Projek: EP-2017-061). Penyelidik juga amat berbesar hati dan berterima kasih kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit Orang Asli yang telah berkongsi pengalaman berharga mereka dalam sektor pertanian dan perladangan kelapa sawit yang telah diusahakan mereka. Tidak lupa, ribuan penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atas kerjasama daripada pihak mereka untuk membenarkan kajian ini dilakukan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Ahmad Kushairi Din & Balu, N. (2019). *Malaysia's Palm Oil Supply and Demand Updates 2019*. Malaysian Palm Oil Council.
http://www.pointers.org.my/v2/report_details.php?id=276 (akses 20 January 2020)
- Berg, B.L. (2001). Qualitative Research Methods for the Social Sciences (4th ed.). Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Bernama (State News, 27 May 2019). Ease land ownership of Orang Asli oil palm smallholders.
<http://www.bernama.com/state-news/berita.php?id=1730535>
- Colchester, M. & Lumuru, R. (2005). The Roundtable on Sustainable Palm Oil: Analysis, Prospects and Progress. Briefing Paper following Second Meeting of RSPO.
<http://www.forestpeoples.org/en/topics/palm-oil-rspo/> (akses 20 Januari 2020)
- Colchester, M. (2011). *Palm oil and indigenous people in South East Asia*. International Land Coalition: England
- FAO. (2016). *Palm oil*. Food and Agriculture Organization of the United Nations.
<http://www.fao.org/documents/card/en/c/0c36ca3f-dcf4-5dfc-b599-73bb76840cb7> (akses 20 January 2020)
- Flick, U. (1998). *An Introduction to Qualitative Research*, Sage Publications, London.
- Hooker, M. B. (1970). *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- Institute Darul Ridzuan (2014). Palm oil - How it has helped the Orang Asli community to improve their livelihood and impacted better rainforest management: A case study of Temiar tribe in Ulu Kinta Perak.

- [http://archive.mpoctest/2019/05/29/palm-oil-how-it-has-helped-the-orang-asli-community-to-improve-their-livelihood-and-impacted-better%20rainforest management -a-case-study-of-temiar-tribe-in-ulu-kinta-ipoh-perak-malaysia/](http://archive.mpoctest/2019/05/29/palm-oil-how-it-has-helped-the-orang-asli-community-to-improve-their-livelihood-and-impacted-better%20rainforest-management-a-case-study-of-temiar-tribe-in-ulu-kinta-ipoh-perak-malaysia/) (akses 29 Mei 2019)
- Johnston, I. (2017). Last place on Earth where tigers, elephants, orangutans and rhinos still live together is being destroyed.
<https://www.independent.co.uk/environment/leuser-sumatra-indonesia-last-earth-place-tigers-elephants-orangutans-rhinos-live-together-a7677791.html> (akses 20 April 2017)
- Junaidi Awang Besar & Vivien W.C. Yew. (2018). Perception of Orang Asli youths on labour force participation in oil palm plantations. *Information*, 21 (6), 1733-1743.
- Malaysiakini. (2019). NCR recognition part of MSPO standard, environmental group told.
<https://www.malaysiakini.com/news/484958> (akses 22 Julai 2019)
- Nambiappan, et al. (2018). Malaysia: 100 years of resilient palm oil economic performance. *Journal of Oil Palm Research*. 30 (1), 13-25.
- Yew, V.W.C., Junaidi, A.B., Azima, A.M., Zaimah, R. & Balu, N. (2016). The sustainability of oil palm industry in Malaysia. *International Journal of Economic Perspectives*, 10 (4), 305-310.

MAKLUMAT PENULIS

VIVIEN W.C. YEW

Pengarang koresponden
Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
vivienyew@ukm.edu.my

SAIFUL FARISIN MD RAMLAN

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
saifulfarisin@hotmail.com

NOVEL LYNDON

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
novel@ukm.edu.my

JUNAIDI AWANG BESAR

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
jab@ukm.edu.my

SUHANA SAAD

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
suhanasaad@ukm.edu.my

ABD HAIR AWANG

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
hair@ukm.edu.my

SIVAPALAN SELVADURAI

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
sivap@ukm.edu.my

LIM JIE WEI

Pusat Pengajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
limjiewei89@gmail.com